

SUKAN MALAYSIA IX, 2002
PERATURAN PERTANDINGAN BERBASIKAL
(LELAKI & WANITA)

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan-peraturan (UCI) Union Cycling Regulation.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada PERATURAN SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lumba Basikal Sukan Malaysia IX, 2002.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Lumba Basikal SUKMA IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

05 Sept hingga 11 Sept, 2002.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- Lebuhraya Kota Kinabalu – Sulaman – Kota Belud
(Lebuhraya –L/W)
- Taman Tun Fuad, Bukit Padang (Down Hill/Cross Country)

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan negeri, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Setiap pasukan hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita yang terdiri daripada :-

	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1	-
Jurulatih	1	1
Mekanik	1	-
Pelumba (Jalan Raya)	6	6
Pelumba (MTB)	6	6
JUMLAH	15	13

4.2 Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.

5.0 PENDAFTARAN DAN KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun 1981 dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan atau Dokumen Pendaftaran JPN 1/9 dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM.
- 5.3 Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran pendaftaran JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.
- 5.4 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am Perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan ini.
- 5.5 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada peserta yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta yang telah digantikan tidak akan dikembalikan.

- 5.6 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan peiajar-peiajar yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.7 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi dan mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.
- 5.9 Setiap peserta dan pegawai pasukan yang mewakili pasukan negeri diwajibkan mempunyai lesen tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia serta dipohon melalui persatuan negeri yang diwakilinya.
- 5.10 Peserta-peserta daripada MASUM bolehlah mendapatkan lesen pelumba masing-masing dengan mengemukakan permohonan terus kepada PKBM.
- 5.11 Setiap pasukan tidak dibenarkan sama sekali menghantar salinan fotokopi lesen untuk tujuan menyertai pertandingan. Lesen hendaklah asal dan hendaklah ditunjukkan semasa pemeriksaan lesen oleh Ketua Komisar .

6.0 MESYUARAT / TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan Kad Pengenalan, BAT 'C' 10, atau Pasport Antarabangsa, atau dokumen pendaftaran JPN 1/9, atau JPN 1/11 yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 ACARA-ACARA

7.1 Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

	JARAK (KM)	
	Lelaki	Wanita
Ujian Masa Perseorangan	40	20
Criterion	60	40
Lepas Beramai-ramai (Perseorangan)	123	82
Lepas Beramai-ramai (Berpasukan)	123	82
Down Hill - MTB	2	2
Cross Country - MTB	36	20

8.0 PERATURAN

8.1 Acara 40 Km Ujian Masa Perseorangan (Lelaki)
Acara 20 Km Ujian Masa Perseorangan (Wanita)

- 8.1.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar tiga (3) orang pelumba terbaik lelaki dan dua (2) orang pelumba terbaik wanita bagi acara tersebut.
- 8.1.2 Waktu perlumbaan dan kedudukan pelumba akan disediakan sekurang-kurangnya 1 hari (24 jam) sebelum perlumbaan. Setiap pelumba akan dilepaskan setiap 1 minit giliran yang telah diundi dan pelumba terbaik akan bermula akhir sekali.
- 8.1.3 Setiap pelumba dibenarkan diiringi oleh marsyal dan kenderaan pasukan.
- 8.1.4 Semua pelumba dikehendaki memakai helmet yang bersesuaian dan mempunyai ciri-ciri keselamatan.
- 8.1.5 Pelumba yang mencatatkan masa yang terbaik akan diisytiharkan sebagai pemenang.
- 8.1.6 Semua basikal yang digunakan adalah dikehendaki mematuhi ukuran yang telah diluluskan oleh UCI.

- 8.2 Acara 60 Km Criterium Lelaki dan 40 Km Criterium Wanita
- 8.2.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar satu pasukan terdiri daripada enam (6) orang pelumba lelaki dan empat (4) orang pelumba wanita.
 - 8.2.2 Pengadil akan diadakan secara Kiraan Mata di mana mata akan dikira pada setiap 3 pusingan sekali sprint dengan jumlah mata 5, 3, 2 dan 1. Pendahulu setiap pusingan akan diberikan 1 mata.
 - 8.2.3 Pelumba yang mengumpul mata terbanyak akan dikira sebagai pemenang dan apabila kedudukan mata sama maka pelumba yang memenangi sprint terakhir akan menjadi pemenang.
 - 8.2.4 Lain-lain peraturan yang terkini akan dibincangkan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 8.3 Acara 123 Km Lebuhraya Perseorangan dan Berpasukan Lelaki, Acara 82 Km Lebuhraya Perseorangan dan Berpasukan Wanita.
- 8.3.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar satu pasukan lelaki yang terdiri daripada enam (6) orang pelumba dan satu pasukan wanita yang terdiri dari empat (4) orang pelumba.
 - 8.3.2 Acara akan dijalankan secara serentak dan permulaannya mengikut susunan abjad.
 - 8.3.3 Keputusan setiap acara perseorangan dan berpasukan akan dihakimi mengikut susunan penghabisan perlumbaan dan jumlah masa yang diperolehi oleh tiga orang pelumba terbaik.
 - 8.3.4 Pelumba-pelumba akan diberikan 'feeding' selepas 50 Km dan 20 Km sebelum tamat perlumbaan. Jawatankuasa Teknikal akan menentukan kawasan 'Feeding'.
 - 8.3.5 Lain-lain peraturan akan dinyatakan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.
- 8.4 Acara 2 km Down Hill - MTB (Lelaki) dan 2 km Down Hill - MTB (Wanita)
- 8.4.1 Laluan ini mestilah mempunyai 95% kayuhan menuruni bukit dan berakhir di tempat yang lain yang mana kedudukannya lebih rendah daripada permulaan.
 - 8.4.2 Setiap pasukan dikehendaki menghantar 2 orang pelumba terbaik lelaki dan wanita.

- 8.4.3 Setiap pelumba akan dilepaskan seorang demi seorang selepas "seeding run" diadakan.
 - 8.4.4 Masa yang terbaik dicatitkan oleh pelumba akan dikira sebagai pemenang.
 - 8.4.5 Semua pelumba dimestikan memakai pakaian keselamatan seperti helmet penuh, guard vest dan sebagainya.
 - 8.4.6 Lain-lain peraturan terkini akan diberitahu pada mesyuarat pengurus pasukan.
- 8.5 Acara 36 km Cross Country - MTB (Lelaki)
Acara 20 Cross Country - MTB (Wanita)
- 8.5.1 Trek hendaklah pada kadar 4km, 5km ataupun 6km bagi setiap pusingan.
 - 8.5.2 Maksimum hanya 80 pelumba sahaja dibenarkan dalam setiap perlumbaan.
 - 8.5.3 Masa yang dibenarkan untuk acara lelaki ialah 2½ jam dan wanita ialah 2 jam.
 - 8.5.4 Setiap pasukan dibenarkan menghantar 4 orang pelumba lelaki dan 2 orang pelumba wanita.
 - 8.5.5 Pelumba adalah dikehendaki memasang Nombor Pelumba di badan dan Nombor Plate pada basikal dan tidak dibenarkan melipat atau merosakkannya.
 - 8.5.6 Pelumba akan diberi peluang meninjau laluan terlebih dahulu sebelum menyertai kejohanan tersebut dan latihan tidak dibenarkan semasa kejohanan dijalankan.
 - 8.5.7 Laluan kejohanan hendaklah disediakan 48 jam sebelum perlumbaan pertama dijalankan.
 - 8.5.8 Seseorang pelumba tidak dibenarkan mendapat bantuan teknikal sepanjang laluan perlumbaan daripada mana-mana pihak.
 - 8.5.9 Rangka basikal (frame) dan roda pelumba hendaklah ditandakan sebagai pengenalan sebelum perlumbaan dimulakan.
 - 8.5.10 Seorang pelumba hanya boleh mendapat bantuan teknikal daripada pelumba pasukan sahaja.
 - 8.5.11 Peraturan terkini akan diberitahu semasa mesyuarat pengurus pasukan.

9.0 TOPI KELEDAR (HELMET)

- 9.1 Semua pelumba diwajibkan memakai topi keledar (*hard shell helmet*) semasa latihan dan pertandingan.

10.0 PAKAIAN

- 10.1 Semua peserta adalah dikehendaki memakai baju yang mempunyai indentiti negeri masing-masing semasa Kejohanan dan baju yang berlogo iklan tidak dibenarkan sama sekali.
- 10.2 Contoh baju yang akan digunakan semasa kejohanan mesti dibawa untuk pemeriksaan oleh Komisar bersama-sama pemeriksaan lesen pelumba dan pegawai.

11.0 KOMISAR / PEGAWAI PERTANDINGAN

- 11.1 Ketua Teknikal Delegate dan Pengurus Pertandingan akan dilantik oleh PKBM yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 11.3 Pengerusi Jawatankuasa Teknik & Kejohanan bagi pihak Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia akan melantik Ketua Komisar, Komisar dan Penolong Komisar serta lain-lain pegawai pertandingan yang direstui oleh PLBS/PKBM.
- 11.4 Keputusan oleh Ketua Komisar dalam setiap acara adalah muktamad. Sekiranya berbangkit sebarang perkara ia akan dirujuk kepada Panel Komisar dan Juri Rayuan.

12.0 BANTAHAN / TATATERTIB

- 12.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Ketua Komisar dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00 tunai serta lesen.
- 12.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 12.3 Bantahan hanya boleh dibuat dalam masa 20 minit selepas keputusan diumumkan.

13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN / TATATERTIB

- 13.1 Perlantikan Jawatankuasa Bantahan / Tatatertib dan Prosedur Aturcara Mesyuarat oleh Jawatankuasa Teknikal Dan Pertandingan Lumba Basikal Sukan Malaysia IX 2002 seperti berikut :-
- 13.1.1 Ketua Teknikal Delegate
- 13.1.2 Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes rayuan itu.
- 13.2 Ketua Teknikal Delegate adalah Pengerusi Juri Rayuan mengikut para 15.2 Peraturan Am Sukan Malaysia IX 2002.
- 13.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa 1 jam setelah menerima laporan dari pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 13.4 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapat sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

14.0 HADIAH-HADIAH

- 14.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :

LELAKI	EMAS	PERAK	GANGSA
40 Km Ujian Masa Perseorangan	1	1	1
60 Km Kriterium	1	1	1
123 Km Lepas Beramai-ramai (Perseorangan)	1	1	1
123 Km Lepas Beramai-ramai (Berpasukan)	1(6)	1(6)	1(6)
2 Km Down Hill - MTB	1	1	1
36 Km Cross Country - MTB	1	1	1
JUMLAH	6(11)	6(11)	6(11)

WANITA	EMAS	PERAK	GANGSA
20 Km Ujian Masa Perseorangan	1	1	1
40 Km Kriterion	1	1	1
82 Km Lepas Beramai-ramai (Perseorangan)	1	1	1
82 Km Lepas Beramai-ramai (Berpasukan)	1(4)	1(4)	1(4)
2 Km Down Hill - MTB	1	1	1
20 Km Cross Country - MTB	1	1	1
JUMLAH	6(9)	6(9)	6(9)

14.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3 (tertakluk kepada bilangan peserta pada setiap acara)

Disediakan oleh :-

Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002